

# Pimpinan baru Pas bersiap untuk hadapi parti lawan

KOTA BAHARU, Rabu — Pimpinan baru Pas akan mula menggerakkan jentera parti itu secara besar-besaran dan lebih pesat lagi ke seluruh negara selepas Hari Raya Puasa ini untuk menghadapi perkembangan politik semasa, khususnya Parti Hizbulmuslimin (Hamim) dan parti-parti lawan yang lain.

Dalam gerakan itu, pucuk pimpinan Pas membahagikan tiga kawasan, iaitu timur, utara dan selatan.

Kawasan timur mengandungi negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang yang diketuai oleh Pesuruhjaya Pas Kelantan, merangkap ketua Dewan Ulama Pas Pusat, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Kawasan selatan merangkumi negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan, manakala utara pula mengandungi negeri Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis yang diketuai oleh Presiden Pas sendiri, Haji Yusuf Rawa.

Haji Yusuf dalam satu pertemuan dengan *Berita Harian* di sini malam tadi menegaskan, tujuan utama gerakan itu untuk memberi penerangan tentang perjuangan dan strategi baru Pas serta penjelasan berhubung pindaan perlembagaan parti yang dibuat baru-baru ini.

Katanya, semua anggota Dewan Harian Pas negeri dan pusat, ahli jawatankuasa agung Dewan Pemuda, Dewan Muslimat dan ahli perhubungan Pas negeri-negeri akan digemblengkan dalam menjayakan gerakan itu.

Haji Yusuf ada di sini untuk merasmikan pelancaran memperingati "Hari Badar" (Hari Peperangan Badar) anjuran Dewan Pemuda Pas Kelantan, di sini malam tadi.

Hadir sama di majlis itu Haji Nik Abdul Azis, Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Encik Hamil Mahmud dan Naib Ketua Dewan Muslimat Pas Kelantan, Puan Khalsom Haji Ismail.

Menurut Haji Yusuf lagi, serentak dengan gerakan itu juga pelancaran tabung bangunan Pas Malaysia akan diadakan di peringkat negeri.

Mengenai kegiatan-kegiatan lain parti itu, Haji Yusuf berkata: "Saya berharap badan-badan perhubungan Pas negeri mengawasi ahli-ahli parti yang menyokong Parti Hamim"

Bahan asal dari Arkib